



BANCI EKONOMI
Economic Census

2011

PANDUAN MENGISI BORANGTANYA
Guide for Completing Questionnaire

Jabatan Perangkaan
Jabatan Perancangan dan
Kemajuan Ekonomi (JPKE)
Jabatan Perdana Menteri

*Department of Statistics
Department of Economic Planning
and Development (JPKE)
Prime Minister's Office*

KANDUNGAN *Contents*

Bahagian <i>Part</i>	Perkara <i>Item</i>	Mukasurat <i>Page</i>
A	Keterangan Am <i>General Particulars</i>	3 18
B	Pelaburan Langsung Asing di Brunei Darussalam <i>Foreign Direct Investment in Brunei Darussalam</i>	5 20
C	Keterangan Pekerja <i>Employment Particulars</i>	7 22
D	Pendapatan <i>Revenue</i>	8 23
E	Perbelanjaan <i>Expenditure</i>	10 24
F	Jualan mengikut Jenis Pembeli / Pengguna / Pelanggan <i>Sales / Receipts by Type of Purchaser / Consumer / Client</i>	10 25
G	Perbelanjaan bagi Bahan / Barang mengikut Sumber <i>Expenditure on Materials / Goods by Sources</i>	11 25
H	Inventori / Stok <i>Inventory / Stock</i>	11 25
I	Perbelanjaan Modal dan Nilai Harta Tetap <i>Capital Expenditures and Value of Fixed Assets</i>	11 26
J - K	Transaksi Perkhidmatan Antarabangsa <i>International Services Transactions</i>	12 26
L	Maklumat Bulanan 2010 & 2011 <i>2010 & 2011 Monthly Information</i>	15 28
M	Situasi Perniagaan bagi Tahun 2012 <i>Business Situation for 2012</i>	15 29
N	Penggunaan Teknologi Info-Komunikasi <i>Use of Info-Communication Technology</i>	15 29
O	Maklumat Tambahan <i>Additional Information</i>	15 29

BANCI EKONOMI 2011

PANDUAN BAGI MENGISIKAN BORANGTANYA

1. PENGENALAN

- 1.1 Banci Ekonomi 2011 dikendalikan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) dan meliputi semua syarikat/perusahaan yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam.
- 1.2 Banci Ekonomi ini dijalankan di bawah **Akta Perangkaan, Bab 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam**. Segala keterangan yang diberikan akan dirahsiakan dan akan digunakan untuk keperluan perangkaan sahaja.
- 1.3 Tujuan banci ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan terkini mengenai aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh perusahaan/perniagaan di negara ini. Banci Ekonomi ini akan mengumpulkan keterangan bagi tahun rujukan 2010.
- 1.4 Bagi sebarang maklumat dan penerangan lanjut, sila hubungi:
- Seksyen Akaun Negara
 - Jabatan Perangkaan
 - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
 - Jabatan Perdana Menteri
 - 2A, Jalan Ong Sum Ping
 - Bandar Seri Begawan BA1311
 - Negara Brunei Darussalam.
- Tel : 2230251,
2233344 samb. 421/422/431/432/433
- Fax : 2230236
- E-mel : info.statistics@jpke.gov.bn

2. PANDUAN AM

- 2.1 Borangtanya hendaklah diisi oleh pemilik, pengurus atau akauntan yang dilantik oleh syarikat/perusahaan.
- 2.2 Semua nilai hendaklah dilaporkan dalam **Ringgit Brunei (BND)** yang terhampir.
- 2.3 Syarikat sendirian berhad dan perusahaan/perniagaan yang ada menyediakan laporan dan penyata kewangan tahunan hendaklah memberikan salinan Kunci Kira-Kira, Akaun Untung Rugi dan Catatan pada Akaun-Akaun bagi tahun 2010.

3. PANDUAN TEPERINCI

- 3.1 Borangtanya ini dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:
 - A : Keterangan Am
 - B : Pelaburan Langsung Asing di Negara Brunei Darussalam
 - C : Keterangan Pekerja
 - D : Pendapatan
 - E : Perbelanjaan
 - F : Jualan mengikut Jenis Pembeli/Pengguna/Pelanggan
 - G : Perbelanjaan bagi Bahan/Barang mengikut Sumber
 - H : Inventori/Stok
 - I : Perbelanjaan Modal dan Nilai Harga Tetap
 - J-K : Transaksi Perkhidmatan Antarabangsa
 - L : Maklumat Bulanan 2010 & 2011
 - M : Situasi Perniagaan bagi Tahun 2012
 - N : Penggunaan Teknologi Info-Komunikasi
 - O : Maklumat Tambahan

Bahagian A : Keterangan Am

3.2 Nama dan Alamat Syarikat/Perusahaan

Jika terdapat sebarang perubahan pada nama atau alamat syarikat/perusahaan, sila nyatakan di ruang yang disediakan.

3.3 Bilangan Pendaftaran Syarikat/Perusahaan

Sila berikan bilangan Pendaftaran syarikat/perusahaan seperti yang diberikan di Pejabat Pendaftaran Syarikat dan Nama Perniagaan, Pejabat Peguam Negara. Bagi syarikat/perusahaan yang belum pernah terlibat dalam Banci Ekonomi sebelum ini, sila lampirkan salinan sijil pendaftaran berkeajaan.

3.4 Tarikh Pendaftaran

Sila nyatakan tarikh pendaftaran syarikat/perusahaan.

3.5 Tarikh Memulakan Perusahaan/Perniagaan

Sila nyatakan tarikh memulakan perusahaan/perniagaan.

3.6 Jenis Pertubuhan

Sila tandakan di dalam ruang yang bersesuaian samada syarikat / perusahaan berkeajaan:

- 1 Milik sendiri
- 2 Perkongsian
- 3 Cawangan syarikat luar negeri
- 4 Syarikat sendirian berhad
- 5 Lain-lain, seperti kerjasama dan institusi tanpa untung, sila nyatakan

3.7 Status Aktiviti

Sila tandakan di dalam ruang yang bersesuaian bagi tahun-tahun 2010 dan 2011.

Jika syarikat/perusahaan beroperasi, sila nyatakan tarikh bagi tempoh beroperasi. Contohnya, jika beroperasi sepanjang tahun

2010, isikan Mulai 1 Januari hingga 31 Disember. Jika tidak beroperasi, sila nyatakan sebab-sebabnya.

3.8 **Tempoh Laporan**

Sila nyatakan tarikh bagi tempoh perakaunan bagi perusahaan. Sekiranya tidak sama dengan tahun kalender, sila berikan maklumat yang diperlukan mengikut tempoh perakaunan syarikat/perusahaan. Sila nyatakan nama firma akauntan yang dilantik, jika ada.

3.9 **Jenis Aktiviti Perusahaan/Perniagaan & Sumbangan Pendapatan**

Sila terangkan dengan jelas aktiviti yang dijalankan dengan menyatakan jenis barangan yang dikeluarkan/ dijual atau perkhidmatan yang diberikan. Jika mempunyai lebih dari satu jenis aktiviti, sila nyatakan aktiviti yang utama, diikuti aktiviti yang lain mengikut susunan keutamaan dan berikan sumbangan dalam peratus setiap aktiviti kepada pendapatan semasa syarikat/perusahaan.

Aktiviti utama ialah aktiviti yang menyumbangkan pendapatan yang terbesar.

3.10 **Cawangan**

Jika syarikat/perusahaan mempunyai cawangan lain di negara ini yang menggunakan nama syarikat yang sama dan keterangan pendapatan dan perbelanjaan untuk setiap cawangan diliputi ke dalam satu penyata akaun yang sama, sila senaraikan alamat cawangan tersebut serta maklumat berikut:

- (a) Nombor telefon
- (b) Bulan dan tahun dimulakan
- (c) Ramai pekerja
- (d) Sumbangan (%) kepada pendapatan

Sebaliknya, jika setiap cawangan mempunyai penyata akaun sendiri, sila hantarkan keterangan bagi setiap cawangan dengan menggunakan borangtanya yang berasingan.

Bahagian B : Pelaburan Langsung Asing di Negara Brunei Darussalam

3.11 Pelabur Utama Syarikat sehingga 31.12.2010

Pelabur boleh termasuk orang perseorangan, perusahaan, kerajaan atau pertubuhan lain.

A. Residen Negara Asing (Bukan Residen)

Bukan residen ialah mana-mana individu, perusahaan atau organisasi lain yang lazimnya tinggal di negara lain selain Negara Brunei Darussalam. Cawangan-cawangan asing dan subsidiari syarikat-syarikat Negara Brunei Darussalam adalah bukan residen.

B. Residen Negara Brunei Darussalam

Residen adalah mana-mana individu, organisasi atau pertubuhan lain yang lazimnya tinggal di Negara Brunei Darussalam. Cawangan-cawangan Negara Brunei Darussalam dan subsidiari-subsidiari syarikat bukan residen adalah residen Negara Brunei Darussalam.

Maklumat untuk pelabur yang memiliki kurang daripada 10 peratus syer boleh dilaporkan secara agregat.

Sila nyatakan jenis syer, sebagai contoh, syer biasa dan syer keutamaan.

Peratusan syer-syer (atau sebanding) untuk semua pelabur hendaklah berjumlah 100 peratus.

3.12 **Penyata Perubahan Dalam Ekuiti/Akaun Ibu Pejabat bagi Penghujung Tahun 31.12.2010**

Modal yang diterbitkan dan berbayar termasuk syer dan ekuiti lain seperti pelaburan dalam cawangan (dana ibu pejabat) dan perkongsian di Negara Brunei Darussalam.

Perolehan tertahan mewakili perolehan tertahan yang terkumpul, yang mungkin negatif.

Lain-lain rizab termasuk semua jenis rizab dikenal pasti sebagai ekuiti dalam kunci kira-kira syarikat apabila garis panduan perakaunan menganggap mereka komponen ekuiti pemilik.

Tambahan kepada modal termasuk pemerolehan syer-syer tambahan dan pemindahan daripada Ibu Pejabat asing (cawangan).

Untung (rugi) Kendalian Bersih hendaklah dilaporkan selepas cukai.

3.13 **Tuntutan Terpilih pada / Tanggungan kepada Bukan Residen**

Pelabur Langsung Asing adalah pelabur-pelabur asing yang memiliki kepentingan mengundi sepuluh peratus atau lebih (atau yang sebanding) dalam syarikat anda.

Syarikat-Syarikat Berkaitan Asing adalah syarikat-syarikat yang berkaitan dengan pelabur langsung asing.

Taburan Geografi pada penghujung tahun 2010: Setiap soalan adalah bertujuan untuk mencari maklumat mengenai negara penghutang/pemutang. Catatkan negara tempat tinggal

penghutang bukan residen (bagi aset) dan pemiutang bukan residen (bagi liabiliti).

Perkara Memorandum: Pelaburan dalam Subsidiari Asing, Bersekutu, Usahasama dan Cawangan-Cawangan

Definisi: Syarikat Subsidiari adalah syarikat di mana laporan entiti yang memiliki lebih daripada 50 peratus daripada syer mengundi; **Bersekutu** adalah syarikat di mana laporan entiti yang memiliki 10 – 50 peratus syer mengundi. Termasuk pemilikan hartanah kecuali hartanah tempat kediaman yang diadakan semata-mata untuk kegunaan peribadi dan bukan untuk tujuan membuat keuntungan.

Bahagian C : Keterangan Pekerja

3.14 Sila catatkan jumlah pekerja pada 30.6.2010 mengikut pecahan pekerja tempatan (rakyat Brunei dan penduduk tetap) dan pekerja bukan tempatan (rakyat negara asing), lelaki dan perempuan dan kategori berikut :

A Pemilik yang bekerja /rakan niaga yang aktif ialah pemilik/rakan niaga yang giat menjalankan aktiviti perusahaan. Jika pemilik/rakan niaga tersebut giat menjalankan lebih dari satu syarikat/perusahaan, pemilik/rakan niaga berkenaan hendaklah dicatatkan di dalam satu syarikat/perusahaan sahaja.

B Pekerja bergaji, sepenuh masa ialah pekerja yang bekerja sekurang-kurangnya 30 jam seminggu dan menerima gaji secara tetap.

C Pekerja bergaji, sambilan ialah pekerja yang bekerja kurang dari 30 jam seminggu dan menerima gaji mengikut jam bekerja.

D Pekerja penyumbang keluarga adalah terdiri daripada ahli keluarga atau saudara yang bekerja di dalam perusahaan/perniagaan tetapi tidak menerima gaji secara tetap. Kategori ini hanyalah bagi perusahaan milik sendiri atau perkongsian.

3.15 Bagi pekerja bergaji, sepenuh masa, sila nyatakan jumlah bayaran yang diberikan bagi tahun rujukan mengikut pecahan pekerja tempatan dan bukan tempatan dan jenis bayaran seperti berikut:

1. Gaji dan upah
2. Caruman bagi Tabung Amanah Pekerja (untuk pekerja tempatan sahaja)
3. Caruman bagi Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP)
4. Lain-lain kemudahan (seperti tempat tinggal percuma dan sebagainya).

Bahagian D : Pendapatan

3.16 Pendapatan dari aktiviti perusahaan/perniagaan ialah bayaran yang telah diterima atau akan diterima yang berkaitan dengan aktiviti utama dan lain-lain aktiviti perusahaan/perniagaan yang dijalankan dalam tahun rujukan, samada dalam bentuk:

- a) penjualan barang-barang (misalnya, bagi aktiviti perkilangan, borong dan runcit),
- b) perkhidmatan yang telah diberikan (misalnya bagi aktiviti perkhidmatan profesional, perniagaan, kemasyarakatan, sosial dan persendirian),
- c) nilai kerja yang telah dilaksanakan (misalnya bagi aktiviti pembinaan),
- d) pendapatan sewa dari tanah, bangunan/binaan, dan mesin-mesin dan peralatan, dan
- e) lain-lain pendapatan dari aktiviti perusahaan/ perniagaan.

- 3.17 **Jualan barang untuk dijual semula dalam keadaan yang sama** ialah pendapatan dari jualan barang yang dibeli oleh syarikat/perusahaan untuk dijual semula dalam keadaan yang sama atau tanpa sebarang pemerosesan lanjut atau perubahan kecuali pembungkusan.
- 3.18 **Jualan lain-lain barang** ialah pendapatan dari barang selain daripada yang disebutkan di atas. Sila nyatakan barang tersebut, misalnya buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain.
- 3.19 **Nilai daripada kerja pembinaan yang telah dilaksanakan oleh syarikat/perusahaan pembinaan atau syarikat-syarikat lain** ialah bagi kerja yang telah disiapkan sepenuhnya atau sebahagiannya oleh syarikat pembinaan tersebut dalam tahun rujukan. Bagi syarikat-syarikat lain, ini merujuk kepada nilai pembinaan sendiri bangunan atau lain-lain pembinaan.
- 3.20 **Pendapatan dari perkhidmatan** yang diberikan ialah pembayaran yang telah dan akan diterima bagi perkhidmatan yang telah diberikan dalam tahun rujukan, seperti:
- a) kerja-kerja pembinaan
 - b) perkhidmatan perindustrian seperti kerja-kerja pembuatan atau pemerosesan dan pembinaan yang menggunakan bahan yang disediakan oleh pelanggan
 - c) perkhidmatan profesional seperti peguam, akauntan, arkitek, perkhidmatan perubatan dan seumpamanya
 - d) lain-lain perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian
- 3.21 Sila nyatakan lain-lain pendapatan termasuk pendapatan sewa dan pendapatan bukan dari aktiviti perusahaan/perniagaan seperti pendapatan dari faedah, dividen, keuntungan dari penjualan harta tetap dan lain-lain pendapatan dari pelaburan.

Bahagian E : Perbelanjaan

- 3.22 Perbelanjaan bagi aktiviti perusahaan/perniagaan ialah jumlah yang telah dibayar dan akan dibayar bagi pembelian barang dan perkhidmatan dalam tahun rujukan. Perbelanjaan ini termasuk pembelian barang, sewa bangunan, peralatan kenderaan dan mesin dan peralatan, sewa tanah, pembayaran kerja yang di sub-kontrak, perkhidmatan elektrik dan air, telekomunikasi, perkhidmatan profesional seperti undang-undang dan perakaunan, pengiklanan, percetakan, susutnilai dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan operasi syarikat/perusahaan.
- 3.23 Lain-lain perbelanjaan termasuklah gaji dan lain-lain perbelanjaan yang tidak berkaitan dengan operasi perusahaan/perniagaan seperti bayaran cukai, pembayaran faedah-faedah pinjaman, bayaran dividen, derma dan seumpamanya.
- 3.24 **Bayaran pekerja** ialah bayaran kepada pekerja bergaji, samada sepenuh masa atau sambilan, pengarah dan rakan niaga yang bekerja.
- 3.25 **Peruntukan bagi susutnilai** ialah nilai yang diperuntukkan bagi kekurangan nilai semasa bangunan dan binaan lain, kenderaan dan peralatan disebabkan oleh terlalu lama digunakan atau kerosakan biasa.

Bahagian F : Jualan mengikut Jenis Pembeli/Pengguna/Pelanggan

- 3.26 Sila nyatakan pendapatan yang diperolehi dari aktiviti perusahaan/perniagaan mengikut jenis pembeli, pengguna atau pelanggan seperti berikut:

- a) Pengguna perseorangan atau isi rumah
- b) Syarikat atau perusahaan/perniagaan
- c) Kerajaan
- d) Lain-lain pertubuhan
- e) Luar negara (eksport)

Bagi eksport, sila nyatakan tiga negara destinasi teratas, dan yang lainnya dicantumkan di bawah "Lain-lain negara".

Nota: Jumlah jualan hendaklah diberikan dalam BND. Bagi soalan nombor 1 hingga 5 pada bahagian ini, awda boleh memberikan anggaran dalam peratus (%) sahaja jika nilai sebenar dalam BND tidak diperolehi.

Bahagian G : Perbelanjaan bagi Bahan/Barang mengikut Sumber

- 3.27 Sila nyatakan sumber bahan mentah yang digunakan dan barang yang dibeli untuk dijual semula, samaada:
- a) Buatan tempatan
 - b) Barangan import

Bahagian H : Inventori/ Stok

- 3.28 Sila nyatakan nilai bagi kesemua inventori yang dipunyai atau dikawal oleh perusahaan/perniagaan ini pada awal dan akhir tahun 2010 (atau mengikut tahun perakaunan). Nilai yang digunakan ialah berasaskan harga semasa dan bukannya harga asal.

Bahagian I : Perbelanjaan Modal dan Nilai Harta Tetap

- 3.29 Harta tetap ialah barang tahan lama yang mempunyai jangkaan hayat penghasilan melebihi dari satu tahun. Sila nyatakan nilai bagi pembelian atau pembinaan, pengubahsuaian atau

pembaikan yang besar dan penjualan atau pelupusan harta tetap bagi syarikat perusahaan dalam tahun rujukan (atau perakaunan) mengikut kategori.

- 3.30 Sila nyatakan perbelanjaan modal pada tahun rujukan, misalnya bagi pembaikan tanah, penyelidikan dan perkembangan, carigali mineral dan lain-lain. Bagi penyelidikan dan perkembangan, perbelanjaan termasuk perbelanjaan mesin dan peralatan seperti komputer dan perisian komputer yang digunakan khusus bagi penyelidikan dan perkembangan sahaja.
- 3.31 Harta yang diperoleh dengan percuma daripada pertubuhan lain di bawah hak milik yang sama, hendaklah dinilai seperti dibeli dari luar pertubuhan.
- 3.32 Bagi perkara 10, sila laporkan nilai harta yang masih dalam pembinaan atau pemasangan tetapi belum dipermodalkan.

Bahagian J - K : Transaksi Perkhidmatan Antarabangsa

- 3.33 **Residen dan Bukan Residen:** Bukan residen adalah mana-mana individu, perusahaan atau organisasi lain yang lazimnya tinggal di negara lain selain Negara Brunei Darussalam. Cawangan Negara Brunei Darussalam dan subsidiari-subsidiari syarikat bukan residen adalah residen Negara Brunei Darussalam. Begitu juga, cawangan-cawangan asing dan subsidiari syarikat-syarikat Negara Brunei Darussalam adalah bukan residen.

Berikutnya tidak perlu dilaporkan pada borangtanya dalam seksyen ini:

- eksport atau import barangan;
- penerimaan daripada atau pembayaran kepada bukan-residen bagi perkhidmatan pengangkutan dan perjalanan;

- penerimaan daripada atau pembayaran faedah atau dividen kepada bukan pemastautin.

Transaksi mengikut Negeri: Setiap soalan memerlukan maklumat mengenai negeri transaksi. Catatkan negeri residen bagi rakan ususiaga bukan residen kepada transaksi. Bagi mana-mana ejen, transaksi harus dikaitkan dengan ekonomi utama bagi pihak sesuatu transaksi dijalankan.

Perkara Perkhidmatan Tertentu:

Pembinaan dan Pemasangan: Meliputi ciptaan, pengubahsuaian, pembaikan atau penambahan bangunan, pembaikan tanah bersifat kejuruteraan, dan pembinaan kejuruteraan yang lain seperti jalan raya, jambatan, empangan dan sebagainya. Ia termasuk pemasangan yang berkaitan dan kerja-kerja pemasangan. Ia juga termasuk pengurusan projek pembinaan.

Insuran: Pelindungan tuntutan diterima daripada syarikat insurans bukan residen dan premium yang dibayar kepada penanggung insurans bukan residen. Ia juga termasuk komisen ejen, broker insurans dan perkhidmatan agensi, perkhidmatan perundingan insurans dan pencen, dan lain-lain.

Perkhidmatan Kewangan: Termasuk yuran komitmen, yuran kelewatan pembayaran balik atau penalti, bayaran yang berkaitan dengan surat kredit, talian kredit, perkhidmatan pengurusan aset, bayaran akaun, dan lain-lain.

Caj bagi penggunaan Harta Intelek: Termasuk caj bagi penggunaan paten, cap dagangan, hak cipta, proses perindustrian, yuran pelesenan dan francais, dan lain-lain.

Perkhidmatan Telekomunikasi, Komputer dan Maklumat:

Perkhidmatan telekomunikasi termasuk caj bagi siaran atau transmisi bunyi, imej, data atau maklumat lain melalui telefon, telex, radio, dan kabel televisyen / penghantaran satelit, faks, dan sebagainya. Perkhidmatan komputer mengandungi perkhidmatan yang berkaitan dengan perkakasan dan perisian dan perkhidmatan pemprosesan data. Perkhidmatan maklumat termasuk perkhidmatan agensi berita, perkhidmatan pangkalan data, dan sebagainya.

Perkhidmatan Profesional dan Perundingan Pengurusan:

Termasuk perkhidmatan undang-undang, perakaunan, perundingan pengurusan, perkhidmatan pengurusan, perkhidmatan perhubungan awam dan perkhidmatan pengiklanan dan penyelidikan pasaran. Juga termasuk perkhidmatan untuk pengurusan am cawangan, anak-anak syarikat, atau rakan-rakan yang disediakan oleh syarikat induk asing atau lain-lain perusahaan gabungan.

Lain-lain Perkhidmatan Perniagaan: Termasuk penyelidikan dan pembangunan, seperti penyelidikan gunaan dan pembangunan produk dan proses baru, peralatan sewa, seperti sewa jentera dan pelantar penggerudian (tidak termasuk barang-barang di bawah pajakan kewangan); seni bina, kejuruteraan dan lain-lain perkhidmatan teknikal; perkhidmatan pertanian dan perlombongan; penempatan kakitangan, keselamatan, dan perkhidmatan penyiasatan; perkhidmatan latihan; dsb.

Bahagian L : Maklumat Bulanan 2010 & 2011

- 3.34 Sila bekalkan maklumat jumlah pekerja, bayaran pekerja dan jualan/penerimaan atau pendapatan dari aktiviti perusahaan/perniagaan secara bulanan bagi tahun 2010 dan 2011. Maklumat ini diperlukan sebagai asas untuk penyusunan penunjuk-penunjuk ekonomi bulanan.

Bahagian M : Situasi Perniagaan bagi Tahun 2012

- 3.35 Sila tandakan ✓ di dalam petak yang disediakan bagi situasi perniagaan bagi tahun 2012 berbanding dengan tahun 2011 dan nyatakan sebab-sebab berbezaan.

Bahagian N : Penggunaan Teknologi Info-Komunikasi

- 3.36 Sila tandakan ✓ di dalam petak yang disediakan dan isikan maklumat yang berkenaan.

Bahagian O : Maklumat Tambahan

- 3.37 Sila gunakan bahagian ini bagi sebarang maklumat tambahan atau jika ruang yang diberikan bagi soalan tertentu tidak mencukupi.
- 3.38 Sila tandatangani pengakuan di mukasurat 18 dan berikan nama dan nombor telefon wakil untuk dihubungi.

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA YANG DIBERIKAN

ECONOMIC CENSUS 2011

GUIDE FOR COMPLETING THE QUESTIONNAIRE

1. INTRODUCTION

1.1 *The 2011 Economic Census is conducted by the Department of Economic Planning and Development (JPKE) and covers all businesses operating in Brunei Darussalam.*

1.2 *The Economic Census is conducted under the **Statistics Act, Chapter 81 from the Laws of Brunei Darussalam**. All the information given will be treated as confidential and will be used for statistical purposes only.*

1.3 *The objective of this census is to collect complete and up-to-date information relating to the economic activities undertaken by businesses in the country. The Economic Census will collect information for reference year 2010.*

1.4 *For any enquiries and further information, please contact :*

*National Accounts Section
Department of Statistics
Department of Economic Planning and Development
Prime Minister's Office
2A, Jalan Ong Sum Ping
Bandar Seri Begawan
Brunei Darussalam.
Tel : 2230251,
2233344 ext. 421/422/431/432/433
Fax : 2230236
E-mail : info.statistics@jpke.gov.bn*

2. GENERAL GUIDE

- 2.1 *The questionnaire should be completed by the owner, manager or appointed accountant of the business.*
- 2.2 *All values are to be reported to the nearest **Brunei Dollar (BND)** .*
- 2.3 *Limited companies and businesses that prepare an annual report and financial statements are kindly requested to submit a copy of the Balance Sheet, Profit and Loss Accounts and Notes to the Accounts for the year 2010.*

3. SPECIFIC GUIDE

- 3.1 *This questionnaire is divided into the following parts:*
- A : General Particulars*
 - B : Foreign Direct Investment in Brunei Darussalam*
 - C : Employment Particulars*
 - D : Revenue*
 - E : Expenditure*
 - F : Sales/Receipts by Type of Purchaser/Consumer/Client*
 - G : Expenditure on Materials/Goods by Sources*
 - H : Inventory/Stock*
 - I : Capital Expenditure and Value of Fixed Assets*
 - J - K : International Services Transactions*
 - L : 2010 & 2011 Monthly Information*
 - M : Business Situation for 2012*
 - N : Use of Info-Communication Technology*
 - O : Additional Information*

Part A : General Particulars

3.2 Name and Address of Company/Business

If there are any changes in the name or address of the business, please provide the information in the space provided.

3.3 Registration Number of Company/Business

Please provide the business registration number given at the Registrar of Companies and Business names, Attorney General's Office. For businesses that have never been covered in the Economic Census before, please enclose a copy of the registration certificate.

3.4 Date of Registration

Please provide the date of registration.

3.5 Date of Start of Business

Please provide the date of start of business.

3.6 Type of Organization

Please tick ✓ in the appropriate box to indicate whether the business is a :

- 1 Proprietorship*
- 2 Partnership*
- 3 Branch of a foreign company*
- 4 Private limited company*
- 5 Others, such as co-operations and non-profit institution, please specify*

3.7 Activity Status

Please tick ✓ in the appropriate box for the year 2009, 2010 and 2011.

If the business is operating, please state the period of operation. For example, if the company is operating for the whole year,

please fill in From 1 January to 31 December. If the business is not operating, please state the reasons.

3.8 Period of reporting

Please indicate the dates for the accounting period of the business. If it does not coincide with the calendar year, please provide the information requested in this questionnaire according to the accounting period. Please provide the name of the appointed accountant's firm, if any.

3.9 Type of Business Activity & Revenue Contribution

Please describe in detail the type of activity undertaken by specifying the type of goods produced/sold or services rendered. If the business engages in more than one type of activity, please indicate the principal activity, followed by the other activities in order of importance and please provide its contribution in percentages to the current business revenue.

The principal activity is the activity which contributes the major income.

3.10 Branches

If the business has other branches in the country under the same name and the income and expenditure details of each branch is covered in the same statement of accounts, please list the address of those branches together with the following information:

- a) Telephone number*
- b) Month and year started*
- c) Number of workers*
- d) Contribution (%) to revenue*

On the other hand, if each branch keeps its own accounts, please submit the details for each branch in separate questionnaires.

Part B : Foreign Direct Investment in Brunei Darussalam

3.11 Principal Investors in your Company as at 31.12.2010

Investors can include individuals, enterprises, governments or other organizations.

A. Residents of Foreign Countries (Non-Residents):

A non-resident is any individual, enterprise, or other organization ordinarily domiciled in a country other than Brunei Darussalam. Foreign branches and subsidiaries of Brunei companies are also non-residents.

B. Residents of Brunei Darussalam:

A resident is any individual, enterprise or other organization ordinarily domiciled in Brunei Darussalam. Brunei branches and subsidiaries of non-resident companies are residents of Brunei.

Particulars for investors owning less than 10 percent of the shares may be reported in aggregate.

Please specify type of shares, for example, common or ordinary shares and preferred shares.

The percentage of shares (or the equivalent) for all investors should total 100 percent.

3.12 Statement of Changes in Equity/Head Office Account for Year ended 31.12.2010

Issued and paid-up capital includes shares and other equity such as investment in branches (head office funds) and partnerships in Brunei Darussalam.

Retained earnings represent cumulated retained earnings, which may be negative.

Other reserves includes all types of reserves identified as equity in the company's balance sheet when accounting guidelines consider them a component of owner's equity.

Additions to capital include acquisition of additional shares and transfers from foreign Head Office (branches).

Net operating profit (loss) should be reported after taxation.

3.13 Selected Claims on / Liabilities to Non-residents

Foreign Direct Investors are foreign investors who own a ten-percent-or-more voting interest (or the equivalent) in your company.

Foreign Related Companies are those foreign companies related to the foreign direct investor(s).

Geographical Distribution at end of 2010 : Each question seeks information on the country of debtor/creditor. Record the country of residence of the non-resident debtor (for assets) and non-resident creditor (for liabilities).

Memorandum Item: Investments In Foreign Subsidiaries, Associates, Joint Ventures, Branches

Definitions: A **subsidiary** is a company in which the reporting entity owns more than 50 percent of the voting shares; **an associate** is a company in which the reporting entity owns 10-50 percent of voting shares. Include ownership of real estate, except residential real estate held exclusively for personal use and not for profit making purposes.

Part C : Employment Particulars

3.14 *Please record the number of employees as on 30.6.2010 by the breakdown of local workers (Brunei citizens and permanent residents) and non-local workers (foreign nationals), males and females and the following categories :*

A Working proprietors/active business partners refer to those actively engaged in running the business activities. If the proprietor/partner is actively working in more than one business, he/she should be recorded only in one business.

B Paid employees, full time are those working for at least 30 hours in a week and receive regular pay.

C Paid employees, part time are those that working for less than 30 hours in a week and receive pay according to hours worked .

D Contributing family workers refer to family members or relatives who are working for the business but do not receive regular pay. This category only applies to proprietorships and partnerships.

3.15 *For the paid employees, full time, please provide the total payment of workers for the reference years, by the breakdown of local and non-local workers and the following types of payments:*

- 1 *Salaries and wages*
- 2 *Contribution to Employees Trust Fund (for local employees only)*
- 3 *Contribution to Supplemental Contributory Pensions (SCP)*
- 4 *Other benefits (such as free accommodation etc.)*

Part D : Revenue

- 3.16 *Revenue from business activities refers to payments received or receivable arising from the principal and other activities carried out during the reference year, whether in the form of:*
- a) *sales of goods (e.g. for manufacturing, wholesale and retail activities),*
 - b) *rendering of services (e.g. for professional, business, community, social and personal services),*
 - c) *value of work done (e.g. for construction activities),*
 - d) *rental income from land, buildings/structures, and machinery and equipment, and*
 - e) *other operating revenue.*
- 3.17 ***Sales of goods sold in the same condition as purchased*** *refer to revenue from goods which have been purchased by the business for the purpose of reselling them in the same condition or without further processing or transformation except repackaging.*
- 3.18 ***Sales of other goods*** *refer to revenue from sales of goods other than those specified above. Please specify the goods, e.g. vegetables, fruits etc.*
- 3.19 ***Value of work done on construction by construction or other companies*** *refers to the value of work done or partly done on construction during the reference year, by the construction companies.*
In respect of other companies, this refers to the value of own construction of building or other construction..
- 3.20 ***Revenue from services*** *refers to payments received and receivable for services rendered during the reference year, such as:*

- a) *industrial services such as manufacturing or processing work*
- b) *professional services such as accountants, lawyers, medical services etc.*
- c) *other community, social and personal services*

3.21 *Please state other revenue including rental revenue and non-operating revenue such as gains from sale of fixed assets, interest, dividends and other investment income.*

Part E : Expenditure

3.22 *Operating expenditure refers to the amount paid and payable for the purchase of goods and services during the reference year. It includes purchase of goods, rental of premises, rental and maintenance of machinery and equipment, other professional services such as legal and accounting, traveling and transportation, electricity and water, advertising, printing, telecommunication and other general expenses that are connected with the operation of the business.*

3.23 *Other expenditure includes salaries and other non-operating expenditure which is not directly related to the business operation such as payment of taxes, interest on loans, dividends, donations and others.*

3.24 **Payment of employees** *refers to the payment for paid employees, whether full-time or part-time, including working directors and partners.*

3.25 **Allowance for depreciation** *refers to the value set aside for the decline in the current value of buildings and other structures, vehicles and equipment as a result of physical deterioration and normal accidental damage.*

Part F : Sales/Receipts by Type of Purchaser/Consumer/Client

3.26 Please provide the sales/receipts or operating revenue received by type of purchaser, consumer or client as follows:

- a) Individual or household consumers
- b) Companies or businesses
- c) Government
- d) Other organizations
- e) Overseas (export)

For exports, please state the top three countries of destination and the rest combined under "Other countries".

Note: Total sales must be reported in Brunei Dollars (BND). For question 1 to 5 in this part, you may give your estimates in percentages (%) if the actual value in BND is not available.

Part G : Expenditure on Materials/Goods by Sources

3.27 Please provide the source of raw materials used and goods bought for resale, whether:

- a) locally manufactured
- b) imported goods

Part H : Inventory/Stock

3.28 Please report the value of all inventories owned by or under the control of the business at the beginning and end of 2010 (or according to the accounting year). The valuation is in terms of its present price rather than its original cost.

Part I : Capital Expenditure and Value of Fixed Assets

- 3.29 *Fixed assets are durable goods which have an expected productive life of more than one year. Please report the value of the acquisition/construction and sale/disposal of fixed assets of this business during the reference (or accounting) years.*
- 3.30 *Please report the capital expenditure during the reference years, such as land improvement, research and development, mineral exploration and others. For research and development, the expenditure includes expenditures on machinery and equipment such as computers, and computer software if these are specifically for the use of research and development only.*
- 3.31 *Assets acquired 'in gratis' from another establishment under the same ownership should be valued as though purchased from outside the establishment.*
- 3.32 *For item 10, please report the value of all capital assets which are under construction or installation, but not capitalized.*

Part J – K : International Services Transactions

- 3.33 **Residents and Non-Residents:** *A non-resident is any individual, enterprise, or other organization ordinarily domiciled in a country other than Brunei Darussalam. Brunei branches and subsidiaries of non-resident companies are residents of Brunei. Similarly, foreign branches and subsidiaries of Brunei companies are non-residents.*

The following should not be reported in this section of the questionnaire:

- exports or imports of goods;*
- receipts from or payments to non-residents for transport and travel services;*
- receipts from or payments to non-residents of interest or dividends.*

Transactions by Country: *Each question seeks information on the country of transaction. Record the country of residence of the non-resident counterparty to the transaction. In the case of agents, transactions should be attributed to the economy of the principal on whose behalf a transaction is undertaken.*

Specific Services Items:

Construction and Installation: *Covers the creation, renovation, repair or extension of buildings, land improvements of an engineering nature, and other engineering constructions such as roads, bridges, dams, and so forth. It includes related installation and assembly work. It also includes management of construction projects.*

Insurance: *Covers claims received from non-resident insurers and premiums paid to non-resident insurers. It also includes agents' commissions, insurance brokering and agency services, insurance and pension consultancy services, etc.*

Financial Services: *Includes commitment fees, late repayment fees or penalties, fees related to letters of credit, lines of credit, asset management services, account charges, etc.*

Charges for use of Intellectual Property: *Includes charges for the use of patents, trademarks, copyrights, industrial processes, licenses and franchise fees, etc.*

Telecommunications, Computer, and Information Services:

Telecommunication services includes charges for broadcast or transmission of sound, images, data or other information by telephone, telex, radio and television cable/satellite transmission, facsimile, etc. Computer services consist of hardware- and software- related services and data-processing services. Information services include news agency services, database services, etc.

Professional and Management Consulting Services:

Includes legal services, accounting, management consulting, managerial services, public relations services, and advertising and market research services. Also includes services for the general management of a branch, subsidiary, or associate provided by the foreign parent enterprise or other affiliated enterprise.

Other Business Services:

Includes research and development, such as applied research and experimental development of new products and processes; equipment rentals, such as rentals of machinery and drilling rigs (excludes items under financial leases); architectural, engineering, and other technical services; agricultural and mining services; placement of personnel, security, and investigative services; training services; etc.

Part L : 2011 & 2011 Monthly Information

3.34 *Please provide the information on the total employment, payment to employees and sales/receipts or operating revenue for each month of 2010 and 2011. This information is required as a basis for the compilation of monthly economic indicators.*

Part M : Business Situation for 2012

3.35 Please tick ✓ in the appropriate boxes the business situation for 2012 compared to 2011 and please state reasons for the differences.

Part N : Use of Info-Communication Technology

3.36 Please tick ✓ in the appropriate boxes and fill in the relevant information.

Part O : Additional Information

3.37 Please use this part for any additional information or if the space provided for any particular question is not sufficient.

3.38 Please sign the declaration on page 18 and provide the name and telephone number of the contact person.

**THANK YOU FOR YOUR COOPERATION IN COMPLETING THIS
QUESTIONNAIRE.**